

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jumlah kapasiti ujian COVID-19 setiap hari oleh semua hospital / klinik Kerajaan di seluruh negara. Apakah kos untuk setiap ujian dan apakah usaha Kementerian dalam '*mass testing*'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan sampel bagi ujian Polymerase Chain Reaction (PCR) yang dijalankan oleh semua makmal COVID-19 dan ujian Rapid Test (RT) Antigen yang dijalankan di fasiliti Kesihatan sehari adalah bergantung kepada bilangan sampel yang diambil oleh Klinik Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah dan hospital. **Jumlah kapasiti ujian COVID-19 setiap hari oleh semua makmal –makmal COVID-19 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia adalah 16,670 ujian sehari**, manakala **lain-lain kementerian** (MOSTI, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi) di seluruh negara **adalah 2,819 ujian sehari**.

2. Bagi meningkatkan kapasiti bilangan makmal yang boleh menjalankan ujian PCR COVID-19, kerajaan juga telah menjalankan kolaborasi dengan makmal-makmal swasta. Sehingga 2 Disember 2020, **keseluruhan kapasiti harian untuk negara termasuk makmal swasta adalah 59,485 ujian sehari melibatkan 61 makmal COVID-19**.

3. Sehingga 2 Disember 2020, sebanyak sebanyak **3,016,850 ujian (bagi kedua-dua jenis ujian, iaitu Polymerase Chain Reaction (PCR) dan RTK-Antigen)** telah dijalankan di seluruh Malaysia, iaitu sejumlah **2,486,896 ujian PCR COVID 19 dan 529,954 ujian RTK Antigen**.

4. **Sehingga 2 Disember 2020, kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah seramai 68,020 orang**. Jumlah tersebut merupakan sebahagian dari sejumlah 2,707,207 individu yang telah diambil sampel, menjadikan kadar positif dalam kalangan mereka yang telah disaring adalah sejumlah 2.51%.

5. Ujian saringan yang dilaksanakan tidak hanya terhad kepada golongan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan sahaja. Kes sporadik turut dikesan dalam kalangan golongan *Person Under Surveillance* (PUS) mahupun dari aktiviti surveilan COVID-19 yang melibatkan tiga (3) kategori iaitu orang awam yang mengunjungi fasiliti

## SOALAN NO : 37

kesihatan yang dikenalpasti sebagai lokasi-lokasi sentinel, petugas perubatan dan kesihatan serta dalam kalangan pesakit sejurus sebelum menjalani prosedur pembedahan.

6. Melalui pelbagai aktiviti saringan yang dijalankan ini, didapati kadar positif yang diperolehi dalam kalangan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan adalah lebih tinggi berbanding kadar positif yang diperolehi dari aktiviti surveilan COVID-19; iaitu 3.10% berbanding 0.24%.

7. Mengambil kira dapatan ini, **pendekatan saringan secara bersasar digunapakai** khususnya melibatkan kontak rapat kes COVID-19 yang dikesan di lapangan dan dalam kalangan individu yang didapati memenuhi kriteria sebagai golongan berisiko tinggi. Ujian makmal yang dijalankan terhadap golongan yang dikenalpasti melalui aktiviti saringan secara bersasar ini tidak dikenakan sebarang caj. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pengurusan sumber yang berkesan, mengambil kira keupayaannya untuk memaksima keberhasilan daripada aktiviti yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.